

31hb Mac 2007 (Sabtu) 3:00pm-5:30pm

“Sedangkan Lidah Lagikan Tergigit, Inikan Pula Suami Isteri”

oleh Mohamed Khair & Suriati

Perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam komunikasi dan seksualiti boleh memporak-perandakan sesuatu perkahwinan. Isteri berfikir dengan mulut, suami bercakap dengan tangan dan kaki. Suami “*hari-hari mau*”, isteri “*hari-hari lemau*.” Sesi praktikal lagi menyeronokkan ini membuka ruang dan peluang untuk pasangan suami-isteri menimba ilmu dan kemahiran yang amat berguna untuk terus menyuburkan bibit-bibit cinta, kasih dan sayang hingga akhir nanti. Samada anda baru bernikah atau telah menjadi pasangan mapan, ayuh ketemui rahsia di sebalik corak perasaan dan pemikiran pasangan anda dalam perkahwinan, dan bagaimana dapat anda mengelakkan diri dari terjerumus di dalam kancuh masalah perhubungan suami-isteri.

Kumpulan Sasar: Pasangan yang sudah bernikah.

1hb April 2007 (Ahad) 10:00am-12:30pm

“Cinta Murni dan Kasih Sejati”

oleh Mohamed Khair & Suriati

“Dan mereka berdua hidup bahagia selamanya,” mungkin ada yang berkata ungkapan begini hanya untuk cerita dongeng sahaja. Namun ini tidak bermakna cinta murni dan kasih sejati dalam sesuatu perkahwinan itu tidak boleh dikecapi oleh setiap pasangan yang mendirikan rumahtangga. Dapatkan panduan dari pasangan dinamik suami-isteri Mohamed Khair dan Suriati mengenai cara-cara berkesan lagi menyeronokkan anda menempuh gerbang pernikahan dari zaman bujang kepada alam perkahwinan, lalu terus membina rumahtangga yang berjaya selamanya!

Kumpulan Sasar: Pasangan yang bakal bernikah



Mohamed Khair & Suriati

Mohamed Khair dan Suriati adalah sepasang suami-isteri yang telah lama berkongsi kepakaran membantu pasangan-pasangan suami-isteri membina mahligai bahagia. Bersama, mereka mengurus SuChi Success Initiatives Pte Ltd yang menjalankan pelbagai program kekeluargaan, keibubapaan, persiapan berumahtangga dan juga remaja.

Pada 1998, Mohamed Khair dilantik Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) untuk memimpin sekumpulan pakar bagi mereka, membangun dan menjalankan kursus persiapan berumahtangga yang baru – sebuah project di bawah arahan Menteri Bertanggungjawab Hal-Ehwal Islam yang lalu, iaitu Encik Abdullah Tarmugi. Mohamed Khair telah juga dilantik semula untuk menilai dan mengkaji semula, serta meningkatkan taraf program tersebut pada 2002. Sebuah edisi baru bagi program tersebut kemudiannya dilancarkan pada 2003. Baru-baru ini Mohamed Khair dan Suriati telah menerbitkan sebuah kursus persiapan berumahtangga baru, '*Kasih Sejati*', yang telah diluluskan Pejabat Pendaftaran Pernikahan (ROMM) dan dilancarkan pada bulan April 2006. Kasih Sejati sekarang ini dijalankan di sepuluh Masjid, menggantikan kursus rumahtangga yang lama.

Telah berumahtangga selama lebih dari 18 tahun dan ibubapa kepada Umar Mohd Sobri, Suriati dan Mohamed Khair mampu mendekati pasangan-pasangan suami-isteri dari segenap lapisan masyarakat dengan gaya yang bersahaja lagi santai, penuh dengan kisah-kisah menarik. Pendekatan penyampaian mereka terhadap isu-isu perhubungan suami-isteri begitu mesra, mudah difahami, dan praktikal menjadikan mereka ini penceramah yang diburu ramai. Mereka sering diundang untuk mengadakan program-program rumahtangga dan kekeluargaan, dan sebagai tetamu undangan khas dalam rancangan-rancangan Radio MediaCorp Warna 94.2FM.